



يونيڤرسيتي سلطان زين العابدين
unisza
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



LAPORAN TAHUNAN

UNIT AUDIT DALAM

2024





LAPORAN TAHUNAN

UNIT AUDIT DALAM

2024

KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN UNIT AUDIT DALAM 2024

Perutusan Naib Canselor	1
Perutusan Pengerusi JARIS	2
Perutusan Ketua Audit Dalam	3
Info Korporat	4
Pengurusan Tertinggi UniSZA	5
Senarai Pusat Tanggungjawab	7
Staf Unit Audit Dalam	8
Carta Organisasi	9
Punca Kuasa	10
Piagam Audit	11
Kod Etika	18
Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS)	20
Mesyuarat Jawatankuasa Audit UniSZA (JARIS)	21
Rancangan Audit Tahun 2024	23
Semakan Penyata Kewangan UniSZA Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	24
Auditan Geran Tertunda – Penyata Kewangan UniSZA Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	25
Auditan Pengurusan Pembayaran Penceramah Luar / Fasilitator / Perunding	26
Auditan Pengurusan Perolehan Sehingga RM 50,000	27
Auditan Pengurusan Kutipan Tabung Amanah Alumni	28
Auditan Dasar Keselamatan ICT Di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	29
Auditan Pengurusan Terimaan Aset Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA)	30
Semakan Bagi Projek Penyelidikan Di Bawah Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	31
Latihan Staf	32
Laporan Aktiviti	34
Anugerah & Penghargaan	61
Sidang Pengarang	64

PERUTUSAN NAIB CANSOLOR

YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam
Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin



“ **UAD memberi komitmen, dedikasi, dan usaha yang tidak ternilai dalam memastikan setiap aspek operasi universiti dilaksanakan dengan ketelusan dan integriti yang tinggi** ”

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Unit Audit Dalam kerana berjaya merealisasi dan menerbitkan Laporan Tahunan Unit Audit Dalam 2024.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Audit Dalam atas komitmen, dedikasi dan usaha yang tidak ternilai dalam memastikan setiap aspek operasi Universiti dilaksanakan dengan ketelusan dan integriti yang tinggi. Sebagai Naib Canselor, saya amat menghargai sumbangan yang diberikan oleh Unit Audit Dalam dalam memperkukuh sistem pengurusan dan kawalan dalaman UniSZA.

Unit Audit Dalam bukan sahaja berfungsi sebagai pihak yang mengawasi dan menilai kewangan, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memberi panduan dan cadangan bernilai bagi penambahbaikan tadbir urus organisasi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Unit Audit Dalam atas profesionalisme yang ditunjukkan, serta keupayaan mereka untuk menjalankan tugas dengan objektiviti dan kebijaksanaan. Keberhasilan Unit Audit Dalam dalam mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan memberikan keyakinan yang tinggi kepada pihak pengurusan dan seluruh warga Universiti.

Sebagai organisasi yang sentiasa berusaha untuk berkembang, saya berkomitmen untuk terus mendukung kerjasama dengan Unit Audit Dalam bagi memastikan segala aktiviti dan inisiatif berjalan dengan penuh ketelusan, efisien dan bertanggungjawab. Saya percaya dengan sokongan yang berterusan, kita akan terus memperkukuhkan budaya tadbir urus yang baik di Universiti ini.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam
Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

PERUTUSAN PENGERUSI JARIS



YBrs. Encik Mohd Asyraf bin Zainal
Pengerusi Jawatankuasa Audit,
Risiko, Integriti & Strategik



Unit Audit Dalam telah memberi impak positif kepada pengukuhan budaya kawalan dan pematuhan dalam organisasi UniSZA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya dan ahli Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS) ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Unit Audit Dalam kerana berjaya merealisasikan dan menerbitkan Laporan Tahunan 2024.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS), saya ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Unit Audit Dalam atas komitmen, profesionalisme, dan dedikasi mereka dalam menjalankan tugas untuk memastikan pematuhan kepada dasar, prosedur, serta kawalan dalaman yang telah ditetapkan.

Unit Audit Dalam memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan setiap aktiviti di UniSZA berjalan mengikut dasar yang telah ditetapkan serta mematuhi piawaian kewangan dan kawalan dalaman yang ketat. Saya percaya bahawa dengan sokongan dan penilaian yang dilakukan oleh Unit Audit Dalam, kita dapat memperbaiki kelemahan yang ada serta mengenalpasti peluang untuk penambahbaikan yang berterusan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyokong Unit Audit Dalam sepanjang tahun ini. Usaha dan cadangan yang dikemukakan oleh Unit Audit Dalam telah memberi impak positif kepada pengukuhan budaya kawalan dan pematuhan dalam organisasi UniSZA.

Kami di Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik sentiasa memberikan sokongan penuh kepada Unit Audit Dalam dalam melaksanakan tugas mereka yang penting. Kami percaya bahawa dengan pendekatan yang berterusan dan penambahbaikan yang berfokus, kita dapat memastikan pengurusan kewangan UniSZA berada pada tahap terbaik.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Encik Mohd Asyraf bin Zainal
Pengerusi Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS)

PERUTUSAN KETUA AUDIT DALAM



YBrs. Encik Abdul Hadi bin Nayan
Ketua Audit Dalam
Universiti Sultan Zainal Abidin

“UAD akan terus berusaha untuk mempertingkatkan keberkesanan fungsi audit dan memastikan UniSZA terus beroperasi dengan standard yang tinggi dalam segala aspek.”

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sebagai Ketua Audit Dalam, saya berasa amat berbesar hati untuk menyampaikan aluan bagi laporan tahunan Unit Audit Dalam ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh anggota Unit Audit Dalam atas usaha, dedikasi, dan komitmen yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas mereka sepanjang tahun ini.

Unit Audit Dalam terus berusaha memastikan bahawa kawalan dalaman yang mantap, pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan, serta pengurusan risiko yang berkesan dapat diterapkan di seluruh Pusat Tanggungjawab di UniSZA. Dengan penilaian yang objektif dan bebas, kami berusaha untuk memberikan maklum balas yang konstruktif kepada pengurusan dalam usaha penambahbaikan berterusan.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik yang sentiasa memberi sokongan kepada kami dalam menjalankan tugas dengan penuh integriti dan profesionalisme. Kami juga menghargai kerjasama yang erat dengan semua Pusat Tanggungjawab lain di dalam UniSZA, yang membolehkan kami melaksanakan audit yang lebih menyeluruh dan efektif.

Melalui laporan ini, kami berharap dapat memberi gambaran yang jelas mengenai pencapaian Unit Audit Dalam serta cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang tahun. Kami akan terus berusaha untuk mempertingkatkan keberkesanan fungsi audit dan memastikan bahawa UniSZA terus beroperasi dengan standard yang tinggi dalam segala aspek.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Encik Abdul Hadi bin Nayan
Ketua Audit Dalam
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)



CANELORI

INFO KORPORAT

PENGURUSAN TERTINGGI UNISZA

NAIB CANSOLOR



**YBhg. Profesor Dato' Dr.
Fadzli bin Adam**

TIMBALAN NAIB CANSOLOR



**YBrs. Prof. Ts. Dr. Shukor
bin Abd Razak**
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



**YBhg. Dato' Prof. Madya Ts.
Dr. Mohd Hafiz bin Yusoff**
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**YBrs. Prof. Dr. Zuhairah
Ariff binti Abd Ghadas**
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)



YBrs. Encik Muzafar bin Mohd Din
Pendaftar



YBrs. Encik Suhaili bin Mohd
Bendahari



YBrs. Encik Mohd Fuad bin Husaini
Penasihat Undang-Undang

PENGURUSAN TERTINGGI



YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd
Khairul Amri bin Kamarudin
Pengarah Kampus Besut



YBrs. Prof. Dr. Mohd Nordin bin
Abdul Rahman
Penolong Naib Canselor



YBrs. Prof. Madya Dr. Syarilla
Iryani binti Ahmad Saany
Pengarah Pusat
Komunikasi Korporat dan
Pengurusan Perhubungan

SENARAI PUSAT TANGGUNGJAWAB

- ◆ Pejabat Naib Canselor
- ◆ Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- ◆ Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- ◆ Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- ◆ Pejabat Penasihat Undang-Undang
- ◆ Pejabat Bendahari
- ◆ Pejabat Pendaftar
- ◆ Pejabat Pengarah Kampus Besut
- ◆ Fakulti Perubatan
- ◆ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- ◆ Fakulti Sains Kesihatan
- ◆ Fakulti Perniagaan Dan Pengurusan
- ◆ Fakulti Bahasa Dan Komunikasi
- ◆ Fakulti Informatik Dan Komputeran
- ◆ Fakulti Farmasi
- ◆ Fakulti Biosumber Dan Industri Makanan
- ◆ Fakulti Undang-Undang & Hubungan Antarabangsa
- ◆ Fakulti Reka Bentuk Inovatif & Teknologi
- ◆ Fakulti Sains Sosial Gunaan
- ◆ Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan
- ◆ Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin
- ◆ Institut Penyelidikan Produk Dan Ketamadunan Melayu Islam
- ◆ Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
- ◆ Kolej Kediaman & Kesihatan Pelajar
- ◆ Pusat Sukan & Rekreasi
- ◆ Pusat Pengajian Siswazah
- ◆ Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik
- ◆ Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan
- ◆ Pusat Antarabangsa
- ◆ Pusat Komunikasi Korporat & Pengurusan Perhubungan
- ◆ Pusat Kerjaya, Teknousahawan Dan Jaringan Pintar
- ◆ Pusat Pemindahan Ilmu dan Pendidikan Berterusan
- ◆ Pusat Perancangan Strategik, Risiko dan Pengurusan Kualiti
- ◆ Pusat Pengurusan Bakat & Latihan UniSZA
- ◆ Pusat Pembangunan Holistik Pelajar
- ◆ Pejabat Wakaf & Endowmen
- ◆ Pusat Asasi Sains & Perubatan UniSZA
- ◆ Pusat Islam UniSZA
- ◆ Pusat Alumni
- ◆ Pusat Kesenian dan Warisan
- ◆ Pusat Pengurusan Makmal Berpusat
- ◆ Perpustakaan Al-wathiqu Billah
- ◆ Pusat Pengurusan Harta Benda
- ◆ Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
- ◆ Pusat Pengurusan Infostruktur & Rangkaian
- ◆ Penerbit UniSZA
- ◆ Unit Audit Dalam

STAF UNIT AUDIT DALAM

Universiti Sultan Zainal Abidin


20
24



CARTA ORGANISASI



UNIT AUDIT DALAM UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (PENTADBIRAN)



PUNCA KUASA

◆ SURAT PEKELILING AM BIL. 5 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN MENGENAI PENGURUSAN DAN TATAKELOLA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2024 yang bersidang pada 24 Oktober 2024 telah meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2024

◆ STATUT KETUA AUDIT DALAM 2024

Statut Ketua Audit Dalam 2024 mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2024 mengikut seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [P.U. (A) 456/2010]

PIAGAM AUDIT

PENGENALAN

Unit Audit Dalam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) ditubuhkan pada 25 Februari 2007 selaras Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 (dikemaskini SPA Bil. 5/2024).

PERANAN

Unit Audit Dalam berperanan memberi jaminan, rundingan dan melaksanakan pemantauan bagi memperkemaskan serta memperkukuhkan pelaksanaan peraturan dan prosedur berkaitan dengan pengurusan universiti.

PROFESIONALISME

Unit Audit Dalam UniSZA melaksanakan pengauditan secara profesional berpandukan:-

- a) Garis panduan yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM) termasuk definisi Audit Dalam, Kod Etika dan *The International Professional Practices Framework* (IPPF);
- b) Manual Audit Dalam UniSZA; dan
- c) Polisi dan Prosedur UniSZA.

PIAGAM AUDIT

KUASA

Unit Audit Dalam UniSZA diberi kuasa penuh, bebas dan tidak terbatas untuk memperolehi atau memeriksa semua rekod UniSZA, harta fizikal dan kakitangan UniSZA dalam melaksanakan kerja-kerja pengauditan. Semua kakitangan yang terlibat perlulah memberi kerjasama kepada Unit Audit Dalam UniSZA dalam memenuhi tugas tanggungjawab sebagai kakitangan UniSZA.

ORGANISASI

Unit Audit Dalam secara fungsinya akan melapor kepada Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti dan Strategik UniSZA (JARIS). Dari segi pentadbiran seperti kewangan dan sumber manusia, Unit Audit Dalam UniSZA akan melaporkan kepada Naib Canselor UniSZA.

BADAN BEBAS

Pelaksanaan aktiviti Unit Audit Dalam UniSZA adalah sentiasa bebas daripada pengaruh mana-mana pihak dalam menentukan pemilihan tajuk audit, skop, prosedur, kekerapan, tempoh atau kandungan laporan audit bagi mengekalkan kebebasan yang diperlukan.

Pegawai-pegawai Unit Audit Dalam UniSZA tidak boleh dipertanggungjawabkan secara langsung bagi sebarang aktiviti yang boleh diaudit. Sehubungan itu, Pegawai-pegawai Audit Dalam tidak akan terlibat dalam proses mewujudkan kawalan dalaman, menyediakan prosedur, membangunkan sistem, menyediakan rekod-rekod atau terlibat dengan sebarang aktiviti yang mungkin menjejaskan penilaian Audit Dalam.

Juruaudit Dalam mesti menunjukkan keobjektifan profesional pada tahap yang paling tinggi dalam mengumpul, menilai dan menyampaikan maklumat mengenai aktiviti atau proses yang telah diaudit. Juruaudit Dalam perlu membuat satu penilaian yang seimbang dalam semua keadaan dan tidak boleh dipengaruhi oleh kepentingan mereka sendiri atau orang lain dalam membuat penilaian.

PIAGAM AUDIT

Unit Audit Dalam UniSZA bertanggungjawab bagi menjalankan Audit Pengurusan Kewangan, Audit Prestasi dan Audit Penyata Kewangan.

Audit Pematuhan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan kewangan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan, Perolehan, Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit, Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman dan Penyata Kewangan perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

Audit Prestasi pula merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Audit Penyata Kewangan dilaksanakan selaras dengan fungsi utama Jawatankuasa Audit iaitu mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan. Penilaian bukti secara sistematik untuk menentukan ketepatan Penyata Kewangan dan kepatuhan kepada rangka kerja yang ditetapkan. Ia memberikan jaminan yang munasabah kepada pengguna bahawa Penyata Kewangan dibentangkan secara adil dan saksama.

Unit Audit Dalam UniSZA bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2024 seperti berikut :-

- i) menilai pematuhan terhadap dasar, arahan dan peraturan melibatkan pengurusan aktiviti, kewangan dan sistem bagi memastikan ia telah diuruskan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan;
- ii) menilai kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman, penilaian risiko dan tata kelola organisasi;
- iii) menilai maklumat kewangan dan penyata kewangan telah disediakan dengan maklumat yang sahih dan tepat;

PIAGAM AUDIT

- iv) menilai sistem ICT sedia ada untuk memastikan ia telah diuruskan dengan teratur selaras dengan dasar dan peraturan serta diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan;
- v) menilai sama ada pengurusan aset telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan;
- vi) menilai pengurusan kewangan UniSZA bagi memastikan sumber telah diuruskan secara teratur, berhemat, cekap dan berkesan serta memberi syor penambahbaikan;
- vii) menilai pengurusan dan pelaksanaan program / projek bagi memastikan ia mematuhi peraturan dan objektif yang ditetapkan;
- viii) Unit Audit Dalam bertindak sebagai penyelaras aktiviti pengauditan yang dilaksanakan oleh Audit Luar;
- ix) menilai kecukupan kawalan dalaman bagi pembangunan dan pengurusan ICT dan memberi khidmat nasihat yang berkaitan tanpa menjejaskan prinsip pengauditan dan kebebasan juruaudit;
- x) mengemukakan Rancangan Audit Tahunan untuk kelulusan Lembaga Pengarah BBP / Jawatankuasa Audit;
- xi) melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai pihak yang bertanggungjawab memberi maklum balas dan mengambil tindakan susulan terhadap penemuan audit yang dilaporkan;
- xii) melapor penemuan audit yang berkemungkinan mempunyai unsur penyelewengan, pembaziran, penyalahgunaan dan kecuaiian kepada pihak pengurusan;
- xiii) memantau tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang diambil oleh pengurusan / audit berkaitan dengan penemuan audit; dan
- xiv) mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Audit yang meliputi perkara berikut:
 - a) perancangan dan pencapaian Rancangan Audit Tahunan;
 - b) statistik dan status tindakan terhadap penemuan audit;

PIAGAM AUDIT

- c) penemuan audit yang signifikan dan tindakan susulan yang diambil;
- d) melaporkan kesan pengauditan ke atas kawalan dalaman, operasi dan tata kelola UniSZA;
- e) tindakan penyelarasan di antara Unit Audit Dalam dan Audit Luar; dan
- e) halangan dan kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan pengauditan.

FUNGSI UTAMA JAWATANKUASA AUDIT (Surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2024)

- i) Mengkaji keperluan Unit Audit Dalam berhubung dengan keperluan sumber manusia, peruntukan dan kemudahan untuk memastikan fungsi audit dalam dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan;
- ii) Memastikan Unit Audit Dalam diberi kebebasan untuk memeriksa semua rekod dan dokumen berkaitan dengan aktiviti organisasi bagi tujuan pengauditan;
- iii) Mengkaji keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman;
- iv) Mengkaji perancangan aktiviti oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual pelaksanaan, keanggotaan dan peyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar;
- v) Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga Pengarah UniSZA;
- vi) Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah UniSZA berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan;
- vii) Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah UniSZA berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif atas aktiviti yang tertakluk kepada pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah UniSZA;
- vii) Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah UniSZA berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif atas aktiviti yang tertakluk kepada pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah UniSZA;

PIAGAM AUDIT

- viii) Mengkaji keberkesanan proses dan prosedur untuk memastikan pematuhan kepada akta dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa;
- ix) Memastikan bahawa UniSZA sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan dan mematuhi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa;
- x) melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UniSZA dari semasa ke semasa; dan
- xi) Melaporkan kepada Lembaga Pengarah UniSZA mengenai kewujudan elemen penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan penipuan untuk tindakan yang sewajarnya.

RANCANGAN AUDIT TAHUNAN

Ketua Audit Dalam akan mengemukakan Rancangan Audit Tahunan kepada Naib Canselor dan JARIS untuk pertimbangan dan kelulusan.

LAPORAN DAN PEMANTAUAN

Unit Audit Dalam bertanggungjawab melaporkan kepada Jawatankuasa Audit untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah UniSZA.

Laporan Unit Audit Dalam yang dikemukakan kepada Naib Canselor hendaklah juga dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian.

PIAGAM AUDIT

PROGRAM JAMINAN KUALITI DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Audit Dalam akan melaksanakan Program Jaminan Kualiti dan Penambahbaikan Berterusan meliputi semua aspek Audit Dalam.

Program ini merangkumi pematuhan Unit Audit Dalam UniSZA kepada standard dan penilaian sama ada kod etika dipatuhi oleh juruaudit.

Audit Dalam bertanggungjawab melaporkan keputusan program ini kepada Naib Canselor dan JARIS.

PENILAIAN BERKALA

Ketua Audit Dalam bertanggungjawab membuat penilaian setiap 3 tahun atau mengikut keperluan ke atas perkara yang dinyatakan di dalam Piagam dan melaporkan kepada Naib Canselor dan JARIS.

KOD ETIKA



Integriti

- Integriti Juruaudit membina kepercayaan dan menyediakan asas kebolehpercayaan dalam membuat keputusan.

Objektiviti

- Juruaudit mempamerkan tahap objektiviti profesional tertinggi dalam mengumpulkan, menilai dan menyampaikan maklumat berkaitan aktiviti atau proses yang disemak.


Juruaudit membuat penilaian yang seimbang dalam semua keadaan yang relevan dan tidak dipengaruhi kepentingan peribadi atau orang lain dalam membuat keputusan.

Kerahsiaan

- Juruaudit hendaklah menghormati nilai dan memastikan keselamatan maklumat yang diterima. Maklumat ini tidak boleh didedahkan tanpa kuasa sewajarnya melainkan dengan kebenaran undang-undang ataupun obligasi profesional untuk melaksanakannya.

Kompetensi

- Juruaudit perlu menggunakan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang ada dalam pelaksanaan fungsi Audit Dalam.



JARIS

**JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO,
INTEGRITI & STRATEGIK**

JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO, INTEGRITI DAN STRATEGIK (JARIS)

YBrs. Encik Mohd Asyraf bin Zainal

YBhg. Datuk Dr. Tengku Naufal
bin Tengku Mansor

YBhg. Dato' Yusoff bin
Muhamad



AHLI



PENGERUSI



AHLI

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT, RISIKO, INTEGRITI DAN STRATEGIK (JARIS)

Jawatankuasa Audit UniSZA (JARIS) telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada tahun 2007 berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 sebagai satu langkah untuk memantapkan dan mempertingkatkan lagi urus tadbir UniSZA.

MESYUARAT JARIS

1

8 FEBRUARI 2024
(KHAMIS)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS) Kali Ke-72 (Bil.1/2024)

2

26 MAC 2024
(SELASA)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS) Kali Ke-73 (Bil.2/2024)

3

7 APRIL 2024
(AHAD)

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS)

4

31 MEI 2024
(JUMAAT)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS) Kali Ke-74 (Bil.3/2024)

5

4 OGOS 2024
(AHAD)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS) Kali Ke-75 (Bil.4/2024)

6

29 SEPTEMBER 2024
(AHAD)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS) Kali Ke-76 (Bil.5/2024)

7

17 NOVEMBER 2024
(AHAD)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS) Kali Ke-77 (Bil.6/2024)

8

2 DISEMBER 2024
(ISNIN)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti & Strategik (JARIS) Kali Ke-78 (Bil.7/2024)



RAT 2024

**RANCANGAN AUDIT TAHUN
2024**

RANCANGAN AUDIT TAHUN 2024

1

Semakan Penyata Kewangan UniSZA
Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2023

2

Auditan Geran Tertunda - Penyata
Kewangan UniSZA bagi
Tahun Berakhir 31 Disember 2023

3

Auditan Pengurusan Pembayaran
Penceramah Luar / Fasilitator
/ Perunding

4

Auditan Pengurusan Perolehan
Sehingga RM 50,000

5

Auditan Pengurusan Tabung
Amanah Alumni

6

Auditan Dasar Keselamatan ICT Di
Universiti Sultan Zainal Abidin
(UniSZA)

7

Auditan Pengurusan Terimaan Aset
Hospital Sultan Zainal Abidin
(HoSZA)

8

Semakan Bagi Projek Penyelidikan Di
Bawah Dana Penyelidikan
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

SEMAKAN PENYATA KEWANGAN UNISZA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

LATAR BELAKANG

Pihak Audit telah membuat semakan Penyata Kewangan UniSZA bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 pada 7 Februari 2024. Satu pembentangan kepada Pejabat Bendahari telah dibuat pada 18 Februari 2024

Penyata Kewangan telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara (JAN) pada 25 Februari 2024 untuk tujuan pengauditan oleh Firma Audit Swasta (FAS).

OBJEKTIF

Memastikan Penyata Kewangan UniSZA yang disediakan mengikut *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (ANM).

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Tindakan awal perlu diambil bagi mengelakkan peningkatan yang signifikan pada masa akan datang seperti mengenal pasti mana-mana penghutang yang tidak membuat sebarang pembayaran bagi tempoh Januari hingga Jun setiap tahun.
- Penghutang Pelbagai hendaklah dikutip dengan segera dan konsisten mengikut terma-terma yang dipersetujui bagi mengelakkan elaun rosot nilai yang tinggi. Selain itu, penyediaan prosedur baharu perlu disediakan bagi tujuan kutipan hutang dari penghutang pelbagai.
- Mengenal pasti status pemiutang pelajar agar pembayaran balik dapat dilaksanakan. Seterusnya, bagi memastikan jumlah akaun ini dapat dikurangkan.

AUDITAN GERAN TERTUNDA - PENYATA KEWANGAN UNISZA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

LATAR BELAKANG

Akaun Geran Tertunda diklasifikasikan sebagai Liabiliti Bukan Semasa dan terdapat tiga (3) jenis geran tertunda direkodkan dalam Penyata Kewangan UniSZA sebagaimana berikut:

- Geran Pembangunan (RM154,637,153)
- Geran Penyelidikan (RM10,941,475)
- Geran Amanah (RM5,893,917)

Berdasarkan Penyata Kewangan UniSZA bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 baki keseluruhan Geran Tertunda adalah sebanyak RM171,472,545.

OBJEKTIF

Memastikan pengurusan geran yang diperolehi oleh UniSZA dipantau dan diuruskan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Proses penyesuaian di antara Catatan Manual dan Sistem SAGA dilaksanakan secara sukuan tahun agar kesilapan perekodan dapat dikenal pasti sebelum tahun kewangan berakhir.
- Kawalan perbelanjaan bagi setiap projek perlu diperkemaskan agar tiada perbelanjaan melebihi terimaan peruntukan geran.
- Pemantauan baki geran perlu dibuat setiap tahun untuk mengenal pasti baki geran yang telah tamat dan tiada pergerakan dalam tahun semasa untuk diambil tindakan.

AUDITAN PENGURUSAN PEMBAYARAN PENCERAMAH LUAR / FASILITATOR / PERUNDING

LATAR BELAKANG

Latihan yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Bakat & Latihan UniSZA (CentTTM) menggunakan perkhidmatan penceramah dalam yang terdiri dari kakitangan UniSZA. Jika kepakaran dalam tidak dapat digunakan, pihak CentTTM akan menjemput Penceramah / Fasilitator / Perunding dari luar bagi mengendalikan latihan-latihan tertentu.

Jumlah pembayaran kepada penceramah luar / fasilitator / perunding yang melibatkan 33 program bagi tahun 2022 dan 2023 sebanyak RM81,452.90.

OBJEKTIF

Memastikan pembayaran kepada Penceramah Luar / Fasilitator / Perunding mengikut peraturan berkuatkuasa di UniSZA.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Pihak CentTTM disyorkan sentiasa mengemaskini prosedur-prosedur berkaitan pelantikan penceramah luar dan fasilitator agar ianya selaras dengan perubahan-perubahan peraturan dan pekeliling semasa.
- Selain itu, pihak CentTTM juga disyorkan untuk menambah baik dokumen-dokumen yang diperlukan bagi tujuan pembayaran penceramah luar dan fasilitator agar jumlah pembayaran selaras dengan perkhidmatan yang diberikan.

AUDITAN PENGURUSAN PEROLEHAN SEHINGGA RM50,000

LATAR BELAKANG

Fakulti Reka Bentuk Inovatif Dan Teknologi (FRIT) dan Fakulti Undang-Undang & Hubungan Antarabangsa (FUHA) merupakan Pusat Tanggungjawab (PTj) dipilih bagi auditan ini.

Kaedah perolehan bekalan dan perkhidmatan atau kerja yang bernilai sehingga RM50,000 adalah melalui kaedah Pembelian Terus, Lantikan Terus atau kerja *Requisition*.

Pekeliling-pekeling yang diguna pakai untuk perolehan dan pembayaran berkaitan jemputan penceramah adalah Pekeliling Perbendaharaan WP 10.9 dan WP 1.8.

OBJEKTIF

Objektif pengauditan adalah untuk memastikan proses perolehan dan pembayaran di FRIT dan FUHA mengikut peraturan yang ditetapkan oleh UniSZA.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Hebahan semula Pekeliling Perbendaharaan WP 10.9 dan Skim Pensyarah Sambilan – (Bayaran Pukal) bagi memastikan ianya diguna pakai sepenuhnya di semua PTj yang terlibat.
- Semakan terhadap dokumen perolehan perlu dilaksanakan agar maklumat yang dinyatakan adalah tepat bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.
- Pelantikan pensyarah sambilan perlu dibuat berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar.
- Dokumen-dokumen wajib perlu disimpan dengan rapi bagi urusan rujukan dan pemantauan.
- Hebahan kepada pensyarah sambilan berkenaan prosedur tuntutan yang diguna pakai di UniSZA.

AUDITAN PENGURUSAN TABUNG AMANAH ALUMNI

LATAR BELAKANG

Tatacara Kewangan UniSZA menyatakan sebarang permohonan untuk pembukaan Tabung Amanah di UniSZA mestilah mendapat kelulusan dan kebenaran dari Lembaga Pengarah Universiti manakala pembukaan Akaun Amanah perlu mendapat kelulusan Bendahari.

Pejabat Bendahari juga telah mengeluarkan Pekeliling Pejabat Bendahari Bil.3/2018 - Garis Panduan Pengurusan Tabung / Akaun Amanah pada 7 Oktober 2018.

OBJEKTIF

Pengauditan dijalankan bagi memastikan:

- Pengurusan Tabung Alumni mengikut peraturan yang ditetapkan;
- Transaksi kutipan tunai dan tanpa tunai bagi sumbangan, derma dan hasil pendapatan direkodkan dengan betul; dan
- Transaksi perbelanjaan Tabung Alumni sebagaimana Surat Ikatan Amanah.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Pusat Alumni perlu mengemukakan kertas penubuhan Akaun Amanah Alumni yang baharu berdasarkan Tatacara Kewangan UniSZA.
- Terma Rujukan bagi Jawatankuasa Akaun Amanah Alumni perlu disediakan sebagai panduan yang jelas mengenai pelantikan pengerusi, ahli, pemegang amanah dan kuorum mesyuarat. Penyediaan dokumen ini amat penting bagi memastikan Jawatankuasa Akaun Amanah Alumni menjalankan fungsi dengan jelas berdasarkan terma-terma yang ditetapkan.
- Pengurusan minit mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Alumni perlu ditambahbaik.

AUDITAN DASAR KESELAMATAN ICT DI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA)

LATAR BELAKANG

Keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah penting dalam melindungi maklumat kritikal organisasi daripada ancaman yang berpotensi. Keselamatan ICT yang berkesan adalah bagi memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan data terjaga serta operasi harian tidak terganggu oleh insiden keselamatan ICT.

Bahagian Rangkaian & Keselamatan ICT, Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian (PPIR) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bertanggungjawab merancang, mengurus dan memantau keselamatan rangkaian ICT UniSZA.

Dasar Keselamatan ICT UniSZA Versi 1.0 diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 15 Oktober 2012.

OBJEKTIF

Objektif pengauditan ini adalah memastikan Dasar Keselamatan ICT UniSZA diwujudkan, dilaksanakan dan dikemaskini.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- PPIR perlu mengemaskini DKICT UniSZA yang sedia ada. Pengemaskinian ini meliputi pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa.
- PPIR juga perlu memastikan DKICT UniSZA ini dikuatkuasakan dan disebarkan serta diselenggara berdasarkan peruntukan-peruntukan DKICT UniSZA.
- Bidang-bidang dalam DKICT UniSZA hendaklah dilaksanakan sepenuhnya bagi memastikan keselamatan ICT UniSZA mengikut piawaian yang ditetapkan.
- PPIR disyorkan untuk mewujudkan Unit Governan dan Dasar bagi menguruskan dokumentasi berkaitan pengurusan sistem ICT UniSZA.

AUDITAN PENGURUSAN TERIMAAN ASET HOSPITAL SULTAN ZAINAL ABIDIN (HOSZA)

LATAR BELAKANG

Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) telah memulakan pengoperasian klinik-klinik pakar dan perkhidmatan sokongan kepada orang awam secara berperingkat bermula 23 Julai 2023.

HoSZA mempunyai 3 bahagian utama iaitu Bahagian Klinikal, Sokongan dan Pengurusan. Bahagian Klinikal mempunyai 20 jabatan / unit. Manakala Bahagian Sokongan mempunyai 11 jabatan / unit dan Bahagian Pengurusan mempunyai 6 jabatan / unit.

OBJEKTIF

Objektif pengauditan adalah memastikan penerimaan aset bagi peralatan, perabot, mesin, perkakasan teknologi maklumat dan lain-lain mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh Lembaga Perolehan serta mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Pihak HoSZA perlu menyediakan jadual penyelenggaraan berdasarkan kepada terma-terma yang dinyatakan dalam kontrak perjanjian supaya penyelenggaraan dilaksanakan berdasarkan kekerapan dan tempoh yang dinyatakan dalam kontrak.
- Pihak HoSZA perlu memastikan latihan dilaksanakan berdasarkan kepada terma-terma yang dinyatakan dalam kontrak perjanjian.

SEMAKAN BAGI PROJEK PENYELIDIKAN DI BAWAH DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

LATAR BELAKANG

Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM) telah menubuhkan panel audit dalam bagi Projek Penyelidikan Dibawah Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi persediaan audit daripada pihak Bahagian Audit Dalam KPT.

OBJEKTIF

Objektif pengauditan adalah memastikan Projek Penyelidikan Dibawah Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mengikut peraturan / pekeliling yang ditetapkan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN


- Kaedah pemantauan baki geran dilaksanakan untuk setiap tuntutan ditambahbaik seperti mewujudkan borang baki geran / melalui sistem.
- Pemantauan pengurusan geran perlu dipertingkatkan agar ianya selaras dengan KPI yang telah ditetapkan oleh Kementerian.
- Pengurusan rekod geran penyelidikan perlu dilaksanakan dengan lebih teliti supaya dokumen dan maklumat sentiasa dikemaskini.

A group of approximately 12 staff members are posed for a group photo in a modern building lobby. The group consists of five women wearing hijabs and several men, all dressed in light blue short-sleeved button-down shirts and dark trousers. They are arranged in two rows, with some standing on a white staircase that has a gold-colored metal railing. The background features a large glass window with a wooden frame and a ceiling with a modern design and a hanging light fixture. The entire image is overlaid with a semi-transparent yellow grid pattern.

LATIHAN STAF

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kehadiran Kursus/Seminar/Bengkel pada tahun 2024



LAPORAN AKTIVITI



KURSUS *RISK-BASED AUDITING* (RBA)

Unit Audit Dalam UniSZA telah menganjurkan Kursus *Risk - Based Auditing* pada 14 dan 15 Februari 2024 (Rabu & Khamis) yang bertempat di Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu.



Kursus ini telah disampaikan oleh Puan Jannaatu 'Adnin binti Maslam, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Audit Negara Malaysia. Peserta kursus ini melibatkan 30 wakil universiti, agensi kerajaan dan swasta.



KURSUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN BERDASARKAN MPSAS KEPADA JURUAUDIT DALAM



Unit Audit Dalam UniSZA telah menganjurkan Kursus Pengauditan Penyata Kewangan di Hotel Primula Beach Resort, Kuala Terengganu pada 23 dan 24 Julai 2024.

Kursus ini di sampaikan oleh 3 orang penceramah dan seorang fasilitator daripada Jabatan Audit Negara (JAN) yang melihat kaedah pengauditan dari sudut pandang Juruaudit Dalam.

Kursus ini telah disertai oleh seramai 63 orang peserta yang terdiri daripada Pejabat Bendahari dan Audit Dalam Universiti Awam, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Syarikat Agensi Swasta.



SEMINAR KEBANGSAAN AUDIT DALAM 2024



*"Enhancing The
Performance And
Effectiveness Of Internal
Audit Through Audit
Digitalization"*



Seminar Kebangsaan Audit Dalam 2024 telah berjaya dilaksanakan di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi Selangor selama 2 hari (26 dan 27 Ogos 2024) ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Ketua-Ketua Audit Dalam Universiti Awam (JKAD) dengan kerjasama Jabatan Audit Negara (JAN) dan Kementerian Pendidikan Tinggi serta sokongan daripada The Institute of Internal Auditors (IIAM).

Seminar ini telah dirasmikan oleh Ketua Audit Negara, YBhg. Dato Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi. Seramai 240 orang peserta dari 98 agensi dari seluruh Malaysia telah menyertai seminar ini.

Audit Dalam UniSZA, UPSI, dan UMK telah dilantik sebagai Jawatankuasa Pameran dan sebanyak 8 agensi telah menyertai pameran ini.

MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA PAMERAN, SEMINAR KEBANGSAAN AUDIT DALAM 2024

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pameran bagi Seminar Kebangsaan Audit Dalam 2024 telah diadakan secara atas talian pada 16 Mei 2024 (Khamis).

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh KAD UniSZA, Encik Abdul Hadi bin Nayan dan disertai oleh KAD UA iaitu Encik Hanafi bin Junit (UPSI), Puan Rozana binti Saedon (UMK) dan juga beberapa orang kakitangan yang lain.



Agenda mesyuarat adalah bagi mengatur dan menyelaraskan gerak kerja yang telah ditugaskan kepada semua AJK yang telah dilantik.

Seminar Kebangsaan Audit Dalam 2024 berlangsung pada 26 - 27 Ogos 2024 merupakan kerjasama Audit Dalam Universiti Awam Malaysia dan Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM).



SEMAKAN PENGESAHAN STATUS KERJA PEMBAIKIAN KECACATAN BAGI PROJEK PEMBINAAN HOSZA BERSAMA UNIT AUDIT DALAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Unit Audit Dalam Kementerian Pendidikan Tinggi (UAD KPT) telah melaksanakan pengauditan Pengurusan Program KPT Prihatin, Komuniti Sejahtera (KRIS) pada 26 hingga 30 Mei 2024 di Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA).

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Dr. Engku Narzini binti Raja Omar, Timbalan Pengarah HoSZA dan semakan pengesahan status kerja pembaikan kecacatan bagi projek pembinaan di HoSZA turut dihadiri oleh kakitangan Unit Audit Dalam dan Jabatan Kejuruteraan & Biomedikal HoSZA.



QUALITY ASSESSMENT REVIEW (QAR)



Encik Sharul Azman bin Ramli, Pegawai Kewangan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dilantik sebagai Lead Auditor bagi semakan kualiti di UAD pada tahun 2024.

UAD telah melaksanakan semakan kualiti menerusi kaedah *Peer-Review* pada 9 dan 10 Julai 2024.

Semakan kualiti ini bertujuan untuk memastikan Audit Dalam setiap Universiti Awam (UA) menepati piawaian pengauditan yang telah ditetapkan.



Merujuk kepada *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing: Standards 1312: External Assessments must be conducted at least once every 5 years by a qualified, independent assessor or assessment team from outside the organization.*



Antara keperluan kepada semakan kualiti adalah sesi temubual bersama pihak Pengurusan Tertinggi Universiti.

Temubual telah dilaksanakan bersama Encik Suhaili bin Mohd, Bendahari UniSZA.



BENGKEL RANCANGAN AUDIT TAHUNAN (RAT) 2025 DAN PEMANTAPAN KUALITI UNIT AUDIT DALAM (UAD)



Bengkel selama 2 hari ini telah dilaksanakan di Bayview Beach Resort, Penang (19 dan 20 November 2024) dan telah dihadiri oleh semua kakitangan UAD bersama seorang pelajar praktikal. Antara pengisian bengkel adalah bagi penentuan aktiviti auditan tahun 2025, penyediaan Memorandum Perancangan Audit (MPA), pemantapan kualiti kakitangan melalui penilaian sendiri, perancangan aktiviti selain auditan dan lain-lain yang berkaitan.

LAWATAN KERJA KE UNIT AUDIT DALAM, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) PULAU PINANG



Lawatan kerja berkenaan penggunaan **Computer Assisted Audit Techniques** (CAATs) dalam proses pengauditan telah dilaksanakan di Unit Audit Dalam USM pada 20 November 2024.

UAD USM menggunakan 2 perisian yang dinamakan Sistem Pentana dan Power BI bagi tujuan pengauditan serta pelaporan audit yang ringkas, padat dan menarik.

UAD UniSZA disambut baik oleh YBr. Encik 'Ubaidillah bin Ozmin (KAD USM) serta kakitangan UAD USM.



PRA BENGKEL PEMURNIAN PELAN TINDAKAN UNIT AUDIT DALAM 2025-2030



Pra Bengkel Pemurnian Pelan Tindakan Unit Audit Dalam 2025-2030 telah diadakan pada 17 April 2024 bagi membincangkan hala tuju UAD bagi 5 tahun yang akan datang.

Pra bengkel ini melibatkan kakitangan UAD dalam perancangan awal bagi Pelan Tindakan Unit Audit Dalam 2025-2030 .



BENGKEL PEMURNIAN PELAN TINDAKAN UNIT AUDIT DALAM 2025-2030

Bengkel pemurnian Pelan Tindakan Unit Audit Dalam 2025-2030 telah diadakan dengan kerjasama Pusat Perancangan Strategik, Risiko dan Pengurusan Kualiti (SPaRQM) pada 25 November 2024.



YBrs. Encik Mohd Faizal bin Ibrahim (Timbalan Pengarah, Perancangan dan Penarafan Strategik SPaRQM) telah dijemput bagi menyelaraskan, menyemak dan menilai Pelan Tindakan Unit Audit Dalam 2025-2030 yang telah dirangka oleh kakitangan UAD UniSZA.



Pihak UAD UniSZA mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBrs. Encik Mohd Faizal bin Ibrahim diatas kesudian beliau untuk membantu menyelaraskan Pelan Tindakan Unit Audit Dalam 2025-2030.

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI UAD UNISZA KALI KE-8 (2024)



Kawasan hutan di Setiu Wetlands merupakan kawasan hutan yang diasingkan dan dikelola secara khusus oleh Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu untuk tujuan pemuliharaan alam sekitar, pemeliharaan kepelbagaian biologi, serta untuk kegunaan manusia yang mampan.

Setiu Wetlands mempunyai sembilan (9) ekosistem semula jadi dengan keluasan 1,596 hektar, semua ini boleh dihayati melalui Boardwalk Setiu.

Program Khidmat Komuniti UAD Kali Ke-8 “Langkah Hijau Untuk Generasi Masa Depan” melibatkan kerjasama diantara Unit Audit Dalam UniSZA dan Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu. Program ini telah dilaksanakan pada 19 Ogos 2024 di Taman Negeri Setiu Wetlands.



Antara aktiviti yang dilaksanakan di Setiu Wetlands adalah lawatan ekosistem tanah bencah dan penanaman pokok bakau.

Program ini selaras dengan memperkasakan Pelan Strategik UniSZA 2023-2030 melalui Segmen Hero Komuniti kepada masyarakat setempat.



BENGKEL PEMURNIAN KURSUS MASSIVE OPEN COURSES (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) SIRI 4/2024



Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (COMAE-I) UniSZA telah mengadakan Bengkel Pemurnian Kursus *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan *Micro-Credential* (MC) Siri 4/2024” pada 26 - 28 September 2024 kepada staf akademik UniSZA di Grand Renai Hotel, Kota Bharu Kelantan.




UAD UniSZA adalah antara PTj yang terpilih untuk membangunkan modul MC dengan membawa modul *Auditing Unveiled: Essential Concepts & Foundation*.

Puan Nur Afifah dan Cik Umme Najedah merupakan wakil dari UAD UniSZA yang dilantik untuk menghadiri bengkel pada kali ini bagi membangunkan modul *online course* tersebut.

PENAWARAN KURSUS MASSIVE OPEN COURSES (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC)

Kursus MC yang dibangun oleh pihak UAD adalah secara *stand-alone*. Kursus ini dibangun dengan menggunakan aplikasi *OpenLearning* dan ditawarkan melalui platform EduFlexS UniSZA.

Pihak UAD telah membangun kursus MC yang bertajuk *Auditing Unveiled: Essential Concepts & Foundation*. Kursus MC ini mempunyai tiga topik utama iaitu, *The Introduction of Audit*, *The Roles of Auditors* dan *The Scope of Auditing*.



AUDITING UNVEILED: ESSENTIAL CONCEPTS & FOUNDATION

Administrator Class of 2024 85%

Home View Edit EduFlexS UniSZA > Courses > AUDITING UNVEILED: ESSENTIAL CONCEPTS & FOUNDATION Settings

Homepage

Welcome to AUDITING UNVEILED: ESSENTIAL CONCEPTS & FOUNDATION

We hope you will have a wonderful time and learn a lot about audit!

INTERNAL AUDIT UNIT
unisza.edu.my

Code Of Ethics

INTEGRITY OBJECTIVITY CONFIDENTIALITY COMPETENCY

Course Information

This course will provide knowledge related to audit in general. It includes topics related to the introduction to audit, the auditor's role and the scope of auditing. This course contains lectures through videos and evaluations to ensure that participants understand the lectures that have been delivered.

Getting Around For Students

- First time on OpenLearning? Select the **Module** tab in the side bar to access the course content and activities. On mobile, the navigation is located in the menu.

Kursus MC ini telah berjaya disiapkan dan ditawarkan di platform EduFlexS UniSZA: <https://eduflexs.unisza.edu.my/courses/pemahaman-penyata-kewangan-berdasarkan-mpsas-kepada-juruaudit-dalam-sektor-awam/> sebagaimana surat edaran pada 27 Oktober 2024.

BENGKEL KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK) UNISZA SIRI 2/2024



Bengkel Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) 2024 - 2025 telah dilaksanakan pada 11 dan 12 Jun 2024. Unit Audit Dalam (UAD) telah bekerjasama dengan Pusat Pengurusan Infrastruktur & Rangkaian (PPIR) dengan mengetengahkan Dashboard UAD dalam kategori "Perkhidmatan".



Dashboard UAD dinamakan sebagai Sistem Maklumat Audit Dalam (SMAD).



Bengkel yang dilaksanakan secara dalaman di Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan UniSZA (CENTTM) dihadiri oleh kakitangan UAD dan PPIR.

Bengkel ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat serta keperluan dokumen bagi penyertaan UniSZA ke Konvensyen KIK Peringkat Universiti Awam.



MESYUARAT *TASK FORCE* PENGAUDITAN BERASASKAN *COSO* *INTERNAL* *CONTROL* *FRAMEWORK*



Mesyuarat *Task Force* pengauditan berasaskan *COSO Internal Control Framework* telah dianjurkan oleh Biro Strategik dan Inovasi, Jawatankuasa Audit Dalam Universiti Awam (JKAD) di UTM, Johor pada 12 Februari 2024.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Ketua Audit Dalam UA dan ahli *task force* yang dilantik di kalangan pegawai Audit Dalam di UA. Antara UA yang terlibat adalah UTM, USM, UTHM, UMPSA, UMK, UPM, UniSZA, UM, UPSI dan UIAM.

Task Force pengauditan berasaskan *COSO Internal Control Framework* bertujuan untuk merangka satu kaedah auditan yang standard berasaskan *COSO* kepada semua audit dalam di UA.



KURSUS COSO - BASED INTERNAL AUDITING



Kursus COSO - Based Internal Auditing telah dianjurkan oleh Biro Pembangunan Kompetensi (BPK) bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 10 dan 11 Jun 2024.

Intipati kursus ini adalah untuk untuk memantapkan lagi proses pelaksanaan pengauditan.

COSO - Based Internal Auditing diubahsuai dan diselaraskan oleh Institut Audit Dalam Malaysia (IIAM) mengikut keperluan Audit Dalam Universiti Awam.



Kursus ini telah disampaikan oleh penceramah daripada Institut Audit Dalam Malaysia (IIAM).

Unit Audit Dalam UniSZA telah menghantar 2 orang kakitangan iaitu Puan Nur Asiah binti Hashim dan Encik Rahim bin Ramli.

KURSUS MICROSOFT POWER BI FOR NOVICE



Unit Audit Dalam, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah menganjurkan Kursus *Microsoft Power BI for Novice* pada 26 hingga 28 Februari 2024 (Isnin hingga Rabu) yang bertempat di De Rhu Beach Resort, Kuantan.

UAD UniSZA telah menghantar dua (2) orang peserta iaitu Puan Nur Afifah binti Che Mohd Yusof dan Cik Umme Najehah binti Ahmad bagi kursus *Microsoft Power BI* yang berlangsung selama 3 hari.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGENDALI LAMAN WEB (JKPLW) JKAD (BIL.1/2024)



Mesyuarat Jawatankuasa Pengendali Laman Web (JPKLW) dilaksanakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 24 April 2024 (Rabu).



Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Encik Sahizan bin Mohd Sagi, Juruaudit Kanan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



Agenda mesyuarat adalah untuk menambah baik laman web Jawatankuasa Ketua Audit Dalam (JKAD) sebagai satu medium yang menghubungkan Audit Dalam Universiti Awam di Malaysia.



UAD UniSZA telah dilantik sebagai Ketua Zon Timur, JKPLW. UniSZA telah diwakili oleh Cik Umme Najedah binti Ahmad.

MESYUARAT PEMBANGUNAN DOKUMEN PELAN STRATEGIK JAWATANKUASA KETUA-KETUA AUDIT DALAM UNIVERSITI AWAM (JKAD UA)



Mesyyuarat Pembangunan Dokumen Pelan Strategik (JKAD UA) telah dilaksanakan di Bilik Mesyyuarat, Unit Audit Dalam UniSZA pada 14 Mei 2024.

Mesyyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Audit Dalam (KAD) UniSZA, Encik Abdul Hadi bin Nayan dan disertai oleh KAD UA iaitu Encik 'Ubaidillah bin Ozmin (USM), Puan Rozana binti Saedon (UMK), Puan Intan Shafinaz binti Anwar (UPNM) dan kakitangan Audit Dalam UMK.



Mesyyuarat ini adalah untuk merancang pembangunan bagi dokumen Pelan Strategik JKAD UA.

PERSIDANGAN JURUAUDIT KEBANGSAAN 2024 "MEMPERKASA TATAKELOLA : MENDEPANI CABARAN MASA KINI"



Persidangan ini menghimpunkan 1,000 juruaudit dari pelbagai sektor jabatan yang terdiri daripada Kementerian, Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari seluruh Malaysia.



Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) telah menganjurkan Persidangan Juruaudit Kebangsaan 2024 yang bertempat di Borneo Convention Centre, Kuching Sarawak pada 26 Mei 2024 hingga 30 Mei 2024.



Persidangan ini bertujuan meningkatkan kesedaran awam berhubung kepentingan, peranan dan fungsi Juruaudit dalam memperkukuhkan akauntabiliti dan tadbir urus sama ada di Sektor Awam.




KUNJUNGAN & SESI PERKONGSIAN ILMU DI UNIT AUDIT DALAM,

Biro Perancangan Strategik dan Inovasi (BSI) yang merupakan jawatankuasa di bawah Jawatankuasa Ketua-ketua Audit Dalam Universiti Awam (JKAD) telah mengadakan sesi kunjungan dan perkongsian ilmu anjuran di Unit Audit Dalam, UiTM Shah Alam pada 25 April 2024 (Khamis). Kunjungan ini melibatkan Ketua Audit Dalam (KAD) dan kakitangan Audit Dalam Universiti Awam di Malaysia.



Sesi perkongsian ilmu berkenaan *Quality Assurance Review, Self Assessment with Individual Validation* (QAR SAIV) telah disampaikan oleh Puan Mia Imawati binti Jalil, Timbalan Juruaudit Kanan UiTM Shah Alam.



UAD UniSZA diwakili oleh Puan Akmariah binti Ibrahim (Juruaudit), Puan Nur Afifah binti Che Mohd Yusof (Juruaudit), YM Tuan Rosli bin Tuan Embong (Penolong Juruaudit Kanan) dan Cik Umme Najehah binti Ahmad (Penolong Pegawai Tadbir).

PANEL AUDIT DALAM BAGI PROJEK PENYELIDIKAN DI BAWAH DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (DP KPT) DI UNISZA



Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan audit dalaman bagi projek penyelidikan Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT) Universiti Sultan Zainal Abidin.

CREIM telah melantik 2 orang wakil daripada Unit Audit Dalam iaitu Puan Akmariah binti Ibrahim (Juruaudit) dan Puan Nur Asiah binti Hashim (Penolong Juruaudit) sebagai panel audit dalam bagi membantu kelancaran auditan tersebut.



KURSUS PENGAUDITAN PENGURUSAN KONTRAK PENYELENGGARAAN BANGUNAN

Kursus Pengauditan Pengurusan Kontrak Penyelenggaraan dianjurkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 23 - 25 September 2024. Seramai 85 orang peserta menghadiri kursus ini yang melibatkan 36 agensi awam / badan berkanun terdiri daripada kakitangan audit dalam, kejuruteraan, kewangan, pembangunan, pentadbiran dan undang-undang. UAD UniSZA telah menghantar seorang wakil iaitu Puan Zunaidah binti Zakaria.



Kursus ini melibatkan penceramah daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Audit Negara (JAN) yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta kursus dalam bidang pengauditan pengurusan kontrak penyelenggaraan bangunan.

KURSUS ASAS MENYELAMAT DI DARAT DAN AIR TAHUN 2024



Kursus anjuran Pusat Pembangunan Holistik Pelajar UniSZA (PPHP) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu telah dilaksanakan di Kem Merang, UniSZA pada 13 - 15 Jun 2024.

Kursus ini memberi pendedahan berkaitan kaedah menyelamatkan di darat dan air, ikatan tali, serta bantuan kecemasan (CPR).



UAD telah menghantar 2 orang wakil bagi menghadiri kursus ini iaitu Puan Nur Asiah binti Hashim dan Encik Rahim bin Ramli.



SAMBUTAN HARI RAYA UAD



Pada 13 Syawal 1445H, Unit Audit Dalam telah menganjurkan sambutan Hari Raya Aidilfitri secara sederhana tetapi meriah di peringkat dalaman jabatan. Acara ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara warga kerja sambil meraikan semangat Hari Raya dalam suasana harmoni.

Sambutan dimulakan dengan ucapan ringkas oleh Encik Abdul Hadi Bin Nayan, Ketua Audit Dalam UniSZA, diikuti dengan sesi jamuan raya yang menyajikan pelbagai juadah tradisional seperti ketupat, rendang dan nasi himpit.

Acara ini mencerminkan komitmen jabatan dalam mewujudkan suasana kerja yang kondusif, ceria, dan penuh kebersamaan. Walaupun berskala kecil, sambutan ini berjaya mencipta kenangan manis bagi setiap warga kerja yang hadir.

LAMAN UNIT AUDIT DALAM (UAD)



Unit Audit Dalam (UAD) telah menaik taraf laman hadapan pejabat dengan kerjasama Pusat Pengurusan Harta Benda (PPHB). Kerja-kerja ini dilaksanakan secara gotong-royong di antara kakitangan UAD. Dengan kewujudan laman ini, ia dapat memberi kemudahan kepada kakitangan, pelajar serta pelawat UniSZA di samping menambah keceriaan landskap UniSZA.



ANUGERAH & PENGHARGAAN

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023



Anugerah Kecemerlangan Staf 2023

Encik Mohd Rizal
Bin Ibrahim
Pembantu Tadbir
(P/O)



PELAJAR PRAKTIKAL



Cik Nur-Nabila Zahirah Binti Zainudin

**Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat
Pengurusan Rekod**

**Universiti Teknologi MARA (UiTM) Segamat
Julai 2024 - Januari 2025**



SIDANG PENGARANG


SIDANG PENGARANG




YM Tuan Rosli Bin Tuan Embong
Penolong Akauntan



Puan Nur Asiah Binti Hashim
Penolong Akauntan



Puan Zunaidah Binti Zakaria
Pembantu Tadbir (Kewangan)



**Akses Laporan Tahunan
Unit Audit Dalam 2024**



Unit Audit Dalam Universiti Sultan Zainal Abidin

Kampus Gong Badak

21300 Kuala Nerus,

Terengganu



09 - 6688928



uad.unisza.edu.my



uad@unisza.edu.my



Unit Audit Dalam UniSZA - FBrasmi